Tiada siapa boleh pertikaikan PAC – Abdullah

UM-1716/2006

KUALA LUMPUR 16 Jun – Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegaskan bahawa Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), sebagai sebuah institusi Parlimen, tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun.

Malah, tuduhan dan andaian negatif tidak boleh dibuat terhadap PAC selagi ia menjalankan tugas dan melaksanakan tanggungjawabnya.

Perdana Menteri memberitahu *Bernama* demikian ketika diminta mengulas mengenai hubungan antara menteri dan PAC, dalam menjawab soalan yang dibangkitkan oleh PAC.

Abdullah ketika bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, sebelum itu berkata Datuk Seri S. Samy Vellu akan membuat penjelasan secara bertulis kepada (PAC) bagi menyelesaikan masalah berbangkit antara kedua-dua pihak.

Beliau berkata Menteri Kerja Raya itu telah memberi jaminan kepadanya untuk membalas surat yang dihantar oleh PAC meminta Samy Vellu memberi penjelasan kepada jawatankuasa tersebut jika tidak hadir pada mesyuarat antara PAC dan kementerian itu, 22 Jun ini.

"Datuk Shahrir Abdul Samad sebagai pengerusi (PAC) telah menghantar surat suruh hadir untuk menjelaskan kepada PAC mengenai pandangan yang dikatakan datang daripadanya (Samy).

"Dan jika dia (Samy) tak dapat hadir, maka satu penjelasan bertulis harus diberi kepada PAC. Tadi saya tanya Datuk Seri Samy apa yang akan beliau lakukan mengenai perkara itu? Dan beliau telah mengatakan surat akan dihantar mengikut apa yang dikehendaki dalam surat berkenaan (yang dihantar Shahrir)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perang media antara Samy Vellu dan Shahrir yang berpunca daripada laporan akhbar yang memetik PAC pada mesyuaratnya Isnin lepas meminta kementerian itu mengkaji semula jumlah pampasan yang akan diberi kepada Gerbang Perdana Selatan Bersepadu Sdn. Bhd. berikutan pembatalan pembinaan jambatan indah menggantikan Tambak Johor.

Abdullah yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) sebelum itu mempengerusikan mesyuarat tahunan Dewan Tertinggi BN. Turut hadir ialah presiden-presiden parti komponen BN, termasuk Samy Vellu selaku Presiden MIC.

Samy Vellu sebelum ini dilapor mencabar PAC supaya mengambil tindakan terhadapnya kerana tidak akan hadir memberi penjelasan kepada PAC seperti yang diminta jawatankuasa itu.

– Bernama